

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SYED SADDIQ
BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]
TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif Malaysia@Work berjumlah RM6.5 bilion yang telah dibentang Kerajaan pada Belanjawan 2020 akan diteruskan seperti yang telah dirancang terutamanya kepada golongan belia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia@Work yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2020 terpaksa ditangguhkan ekoran penularan wabak COVID-19.

Wabak COVID-19 telah mengakibatkan kemelesatan ekonomi dunia dan kadar pengangguran tertinggi. Malaysia tidak terkecuali dan telah turut mengalami pertumbuhan ekonomi negatif bagi suku kedua tahun 2020.

Kerajaan Perikatan Nasional telah mengambil langkah proaktif menangani impak kepada rakyat dan ekonomi dengan merangka pakej rangsangan PRIHATIN dan PENJANA. Langkah PRIHATIN dan PENJANA melibatkan suntikan ekonomi sebanyak RM260 bilion yang melibatkan perbelanjaan fiskal tambahan sebanyak RM45 bilion.

Perbelanjaan tambahan ini tertumpu kepada meringankan beban rakyat, khususnya melalui Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang memanfaatkan lebih 10 juta rakyat dengan perbelanjaan melebihi RM11 bilion. Memandangkan risiko kehilangan pekerjaan, Program Subsidi Upah juga telah diperkenalkan dengan peruntukan melebihi RM15 bilion. Setakat ini (7 Ogos), RM9 bilion telah dibelanjakan yang membantu mengekalkan 2.6 juta pekerjaan.

Selaras dengan keutamaan pada masa ini, Kerajaan terpaksa mengambil langkah untuk mengkaji semula dan menanggung beberapa program Belanjawan 2020, seperti Malaysia@Work.

Saya percaya Yang Berhormat bersetuju dengan langkah ini supaya dilaksanakan dan program BPN dan Subsidi Upah diberi keutamaan. Namun demikian, selain daripada mengekalkan pekerjaan melalui Program Subsidi Upah, program PENJANA juga memberi tumpuan kepada objektif menggalakkan majikan mewujudkan pekerjaan baharu bagi rakyat Malaysia yang menganggur. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan peruntukan RM2 bilion bagi program peningkatan kemahiran (dengan izin *'reskilling & upskilling'*) bagi menyesuaikan modal insan kepada keperluan pekerjaan.

Selain itu, RM1.5 bilion disediakan bagi program insentif pengambilan pekerja yang mengandungi beberapa elemen program "Malaysia@Work", khususnya dalam memberi insentif kepada majikan secara bulanan di antara RM600 hingga RM1,000 sebulan untuk menggaji rakyat Malaysia yang menganggur. Seperti di bawah "Malaysia@Work", satu kategori khusus disediakan untuk menggalakkan penggajian perantisan (atau dengan izin *"apprentice"*) daripada golongan lepasan sekolah atau graduan baharu. Satu penambahbaikan berbanding dengan "Malaysia@Work" adalah bantuan insentif tersebut diberi secara langsung kepada majikan dan tidak melalui sumbangan kepada KWSP.

Sekian, terima kasih.